



27 FEBRUARI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

BERSATUPADU DENGAN ASAS SERTA AZAM DAN MATLAMAT YANG JELAS

SAMBUTAN Ulangtahn Pertama Hari Kebangsaan dalam bentuk dan suasana yang melambangkan perpaduan menghayati konsep Negara Melayu Islam Beraja diserikan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Baginda menyerukan supaya rakyat dari semua keturunan terus memelihara perpaduan dan mengingatkan supaya dibenters buat selama-lamanya sebarang anasir yang berniat jahat menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat.

Sesungguhnya perpaduan telah

mendatangkan kebajikan kepada kita dan negara kita baik sebelum mahupun selepas merdeka. Kita terus-menerus dapat menikmati keadaan sosio-politik dan ekonomi yang mantap serta berkembang maju. Dalam suasana yang sedemikian kita juga telah membuktikan perpaduan kita menyokong Kerajaan yang dengan sokongan itu, sebagaimana disebutkan oleh titah, Kerajaan kita telah membuktikan keupayaannya memikul tanggungjawab sepenuhnya sesuai dengan taraf negara merdeka.

Seruan mengenai kepentingan memelihara perpaduan bagi meneruskan berbagai-bagai kesejahteraan dan kebajikan yang dinikmati, iaitu sebagai suatu nikmat yang terdapat menerusi penghayatan konsep negara kita selama ini telah juga dibuat oleh Menteri-Menteri Kabinet dalam Majlis-Majlis Perjumpaan yang diadakan di seluruh daerah. Dalam Majlis yang disertai oleh kalangan akar umbi atau 'grass root' masyarakat itu dorongan untuk kita semua kekal bersatupadu menghayati konsep Melayu Islam Beraja telah ditegaskan. Tentu sahaja perpaduan kita adalah perpaduan dalam semangat muhibah dan niat yang berkebakikan dan tentu sahaja penghayatan konsep tersebut ialah dengan penghayatan yang sempurna bagi faedah kehidupan kita sebagai satu bangsa dengan mempunyai identiti yang diredai oleh Allah dan dihormati oleh sesama manusia.

Tidak syak lagi bahawa sebagai satu bangsa kita sedia mempunyai perasaan muhibah dan niat berkebakikan. Perasaan yang sedemikian telah menjadi sifat kita di samping sifat-sifat terpuji yang lain. Menerusinya kita telah menjadi bangsa yang berhemah tinggi, tidak mudah terpengaruh oleh anasir-anasir yang tidak diingini. Ditambah dengan pegangan taat Allah, setia kepada Raja dan Kerajaan maka jadilah kita rakyat yang cintakan hidup rukun damai, hormat-menghormati, bersopan lagi beradab. Semuanya itu telah diteguhkan lagi oleh adanya kepimpinan Sultan-Sultan yang taat kepada Allah dan sentiasa mengelilingi rakyat, serta adanya Kerajaan yang tidak kendur-kendur yang berkhidmat bagi kebajikan serta kesejahteraan semua.

Sebagai satu bangsa maka secara keseluruhannya kita tidak pernah luput daripada pegangan serta sifat-sifat mulia. Cara hidup kita yang sangat membanggakan iaitu cara hidup keBruneian dengan unsur serta corak Melayu, Islam dan Beraja adalah sentiasa menjadi asas dan landasan bagi kita menikmati hidup yang penuh berkebakikan. Maka dorongan-dorongan untuk kita kekal bersatupadu dan meningkatkan mutu perpaduan tersebut adalah sangat jelas. Kerana itu tidak ada sebab untuk menimbulkan sebarang kecurigaan terhadap niat baik dalam kita mengetarakan penghayatan konsep negara kita yang memang ditakdirkan

Allah menjadi Negara Melayu Islam Beraja.

Dengan kedudukan perpaduan yang kukuh di kalangan kita sekalian maka kita percaya sebarang anasir yang berniat jahat tentu mudah dibenters. Malah dalam banyak hal kita menaruh kepercayaan bahawa sebarang anasir termasuklah yang bertujuan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat tidak akan berupaya mendatangkan ancaman selama mana kita kekal bersatupadu dengan mempunyai azam yang kuat serta matlamat yang jelas sebagai satu bangsa. Azam yang kuat dan matlamat yang jelas itu perlulah sentiasa diketarakan supaya tidak dirasakan dengan sekadar-kadarnya dan dilihat dengan pandangan yang kabur.

Maka sesuai dengan titah menyerukan supaya kita sekalian terus-menerus memelihara perpaduan dan sesuai juga dengan titah mengingatkan supaya dibenters buat selama-lamanya sebarang anasir yang berniat jahat menimbulkan kekeliruan maka kita perlulah meyakini akan asas sebenar perpaduan dengan mempunyai azam yang teguh serta matlamat yang jelas yang tidak patut lagi kabur iaitulah "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Walaala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja....." sebagaimana yang termaktub dalam titah Permaisuri Kemerdekaan.

LAWATAN MENTERI KESIHATAN REPUBLIK INDONESIA KE BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Suwardjono Surjaningrat telah mengadakan lawatan rasmi ke negara ini pada minggu lalu.

Tuan Yang Terutama yang diiringi oleh isteri dan empat orang pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan Republik Indonesia tiba pada 18 Februari.

Di hari pertama lawatan Menteri Kesihatan Republik itu Tuan Yang Terutama telah mengadakan kunjungan

muhibah kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Pada sebelah malamnya pula, Tuan Yang Terutama dan rombongan telah diraikan dalam jamuan makan malam oleh Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan di Rumah Jerambak.

Di hari kedua dalam rangka lawatan selama empat hari ke negara ini, Tuan Yang

Terutama dan rombongan telah melakukan kunjungan ke kompleks Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Ketibaan beliau dialu-alukan oleh Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Haji Johar bin Haji Noordin dan pegawai-pegawai kanan jabatan itu.

Mereka kemudiannya diiringi ke Bilik Persidangan bagi mendengar taklimat mengenai perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini yang disampaikan oleh Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di samping berkesempatan mengajukan pelbagai pertanyaan.

Selesai taklimat yang memakan masa hampir satu setengah jam, rombongan itu kemudian dibawa melawat ke pelbagai wad-wad yang terdapat di rumah sakit. Di sebelah petang, Tuan Yang Terutama telah diperkenalkan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di Istana Nurul Imman.

Setelah itu, Tuan Yang Terutama dan rombongan bertolak ke Jabatan Hal Ehwal Ugama bagi mendengar taklimat mengenai perkembangan agama Islam di negara ini dan struktur pentadbiran jabatan berkenaan yang disampaikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.



GAMBAR atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadap Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Suwardjono Surjaningrat pada petang Selasa lepas di Istana Nurul Imman.

Tuan Yang Terutama diiringi oleh Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Zuwir Djamal dan Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Keesokannya, Tuan Yang Terutama dan rombongan diiringi melawat sekitar Kampong Ayer dengan menaiki kapal.

Sementara itu, isteri Tuan Yang Terutama pula mempunyai aturcara tersendiri dengan melakukan lawatan ke Pusat Bimbingan dan Latihan Kebajikan Belia dan Sukan di Kampong Pulauie dan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency.

Ketibaan Dr. Nyonya Oetari Suwardjono Surjaningrat dan rombongan di pusat itu telah dialu-alukan oleh isteri Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris serta pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Taklimat mengenai fungsi dan pentadbiran pusat tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Dayang Zaleha bte Haji Mohiddin. Seramai 60 orang kanak-

kanak cacat dan sembilan orang buta kini sedang menerima latihan dan bimbingan di pusat itu.

Pusat Latihan dan Bimbingan mengendalikan sepuluh kelas bimbingan bagi kanak-kanak cacat, tujuh sedang dipenuhi sementara tiga lainnya bagi memasukkan kanak-kanak penghujung bulan April ini. Latihan termasuklah kemahiran dalam pertuturan, kemasyarakatan, pemerhatian, sivik, kebersihan diri, kraftangan, serta pemulihan anggota.

Bagi orang-orang buta, Kelas Bimbingan berjalan selama tiga tahun dalam latihan asas, vokasional dan akademik. Selain itu, Brunei Darussalam juga menghantar beberapa orang kanak-kanak cacat bagi latihan lanjutan ke St. Nicholas, Pulau Pinang dan beberapa orang buta ke Pusat Latihan Gurney di Kuala Lumpur.

Dr. Nyonya Oetari serta rombongan dalam lawatan itu telah mengunjungi Bengkel Kerajinan Orang-Orang

Buta, Kelas Cacat Pendengaran dan Kelas Cacat Mental. Penyampaian cenderamata juga diadakan bagi Dr. Nyonya Oetari dan pelatih-pelatih pusat tersebut.

Kunjungan Dr. Nyonya Oetari serta rombongan petang Selasa, 19 Februari lalu diteruskan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Subok. Disana, rombongan tersebut telah meninjau ke beberapa bahagian termasuk bahagian anyaman, tenunan, pertukangan perak dan membuat songkok.

Sementara itu, pada sebelah petang Rabu lalu, Dr. Nyonya Oetari telah diraikan dalam satu majlis Jamuan Teh yang diberikan oleh isteri Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Datin Hajjah Zahrah Haji Idris di Rumah Jerambak. Dalam majlis itu, satu pertukaran cenderamata telah diadakan.

Tuan Yang Terutama dan rombongan meninggalkan negara ini pada hari Khamis lepas.

Sembahyang berjemaah mulakan acara sambutan Hari Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di negara ini serentak menyambut ulangtahn pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan mengadakan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah dan bacaan Surah Yassin di semua masjid-masjid dan surau seluruh negara pada petang Jumaat lepas di ibu negara.

Di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara lebih dua ribu umat muslimin telah menyertai upacara tersebut.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah telah berkenan berangkat bersama rakyat menunaikan sembahyang ber-

jemaah dan bacaan Surah Yassin.

Turut hadir termasuk Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian, Diplomat-Diplomat luar negeri dan para pembesar negara serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sejurus selepas menunaikan sembahyang fardu Maghrib berjemaah, bacaan Surah Yassin telah disempurnakan dengan pimpinan Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Hamid bin Bakal. Yang kemudiannya diikuti pula dengan doa selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abd. Aziz.

Upacara pada petang itu diteruskan sehingga sembahyang fardu Isyak.

MAJLIS PERJUMPAAN HARI KEBANGSAAN

Liputan: Aisah Plee
Zubaidah HS
Ahat Ismail
Haniza Abdullah
Johari HAL



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin mendengar penerangan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin mengenai dengan gambar-gambar yang dipamerkan khas di Majlis Perjumpaan yang diadakan di Dewan Pusat Tingkatan Enam.

Kepimpinan Raja yang taat dan mengelinga rakyat:

TEGUHKAN SIFAT DAN SIKAP MUHIBAH

KUALA BELAIT. — Adanya kepimpinan Sultan-Sultan selaku Raja yang memerintah yang taat kepada Allah dan sentiasa mengelinga rakyat, telah meneguhkan lagi sifat dan sikap dari perasaan muhibah dan niat berkebaikan dengan sifat-sifat terpuji lainnya dari semua lapisan rakyat.

Perasaan muhibah dan niat berkebaikan itu telah menjadi sifat rakyat Negara Brunei Darussalam, yang mana disertai dengan sifat-sifat terpuji lainnya berpengaruh menjadikan rakyat negara ini sebagai bangsa yang berhemah tinggi.

Menteri Pembangunan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman menjelaskan, sifat-

sifat itu juga disertai dengan pegangan taat Allah, setia kepada Raja dan Kerajaan Baginda, menjadikan rakyat Brunei Darussalam rakyat yang cintakan hidup rukun damai, hormat-menghormati, bersopan santun lagi beradab.

Dalam keadaan sedemikian itu juga rakyat Brunei terkenal lutan dalam urusan memelihara maruah sebagai suatu bangsa.

"Sebagai meneguhkan lagi sifat dan sikap tersebut itu ialah adanya kepimpinan sultan-sultan selaku raja yang memerintah yang taat kepada Allah dan sentiasa mengelinga rakyat," jelas Menteri Pembangunan.

Hasil timbal balik dari perkara sedemikian itu, tegasnya, ialah kesejahteraan,

perpaduan serta keteguhan yang berterusan.

Berucap sebagai tetamu kehormat di Majlis Perjumpaan Ulangtahun pertama Hari Kebangsaan bagi Daerah Belait dan Tutong pada hari Ahad lepas, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan seterusnya menegaskan bahawa rakyat Brunei Darussalam secara keseluruhannya ternyata tidak pernah luput dari pegangan serta sifat-sifat mulia sebagai suatu bangsa, sepanjang sejarah dan pengalaman.

"Kesungguhannya kita mempunyai kebanggaan, iaitu cara hidup keBruneian yang jelas dengan unsur serta corak Melayu, Islam dan Beraja," tambah Menteri Pembangunan.

Menerusi cara hidup keBruneian itu juga, Brunei Darussalam dan rakyatnya dari semua keturunan terus-menerus menikmati kehidupan yang berkebaikan.

Perjumpaan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini telah dihadiri oleh lebih 200 orang pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan wakil-wakil pertubuhan di daerah itu.

Majlis pagi itu diadului dengan ucapan alu-aluan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin. Bacaan Doa Selamat telah dibacakan oleh Imam Masjid Mohd. Jamalul Alam, Imam Haji Zainal bin Idris.

Lihat muka 7

BERBAGAI KEMAJUAN DICAPAI SEJAK SETAHUN MERDEKA

GADONG. — Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas bersabda, berbagai kemajuan telah dicapai sejak negara ini merdeka setahun lalu.

Dalam waktu yang singkat itu sabda Yang Amat Mulia, banyak perkembangan dan peristiwa tercatat dalam sejarah negara ini antaranya, kemasukan negara ini sebagai ahli penuh dalam ASEAN, OIC, Negara-negara Komanwel serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

PERKEMBANGAN

Selain daripada perkembangan antarabangsa itu, Yang Amat Mulia juga bersabda bahawa peringkat Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Perhubungan, jabatan-jabatan di bawah Kementerian-kementerian tersebut telah banyak menganggotai badan-badan antarabangsa seperti International Civil Aviation Organisation, Universal Postal Union, World Metrological Organisation dan International Telecommunication Union.

"Kemasukan negara kita ke dalam badan-badan teknikal ini mencerminkan lagi keupayaan dan kecergasan anak-anak tempatan dalam memainkan peranan mereka sesuai dengan pencapaian negara kita sebagai ahli masyarakat negara-negara dunia," sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bersabda demikian

semasa menjadi tetamu kehormat di Majlis Perjumpaan Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan di Dewan PTE Ahad lepas menjelaskan, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan lain-lain Kementerian dan Jabatan Kerajaan demi untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dan sosial agar dapat dinikmati oleh semua rakyat.

Sebagai misal sabda Yang Amat Mulia, beberapa jabatan dalam Kementerian telah dan akan melaksanakan berbagai langkah ke arah meningkatkan sistem perkhidmatan serta perhubungan di negara ini.

PERKEMBANGAN JABATAN-JABATAN

Jabatan Laut buat pertama kalinya telah melaksanakan pendaftaran kapal-kapal dagangan menurut peraturan antarabangsa. Di samping itu Jabatan Laut juga telah menyusun sistem keselamatan pengangkutan perairan.

Perkhidmatan Pos pula telah menambahkan beberapa cawangnya di kawasan-kawasan yang memerlukan perkhidmatannya. Dalam urusan pos keluar negeri, jabatan itu telah mengadakan berbagai jenis perkhidmatan seperti Mel Udara secara langsung ke negara-negara ASEAN.

Di bidang pengangkutan darat pula, satu sistem iaitu sistem pemberian lesen secara tempahan telah diperkenalkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan usaha lain pula ialah satu pengajian sedang dijalankan dengan kerjasama sebuah agensi Kerajaan Jepun (JICA) mengenai sistem

pengangkutan awam terutama berhubung dengan bas awam dan teksi.

Sementara itu Jabatan Telekom juga telah berjaya melaksanakan kemudahan panggilan secara langsung antarabangsa (International Direct Dailing) sejak tahun 1984. Manakala Jabatan Penerbangan Awam kini hampir sepenuhnya dikendalikan oleh anak-anak tempatan terutama dalam bahagian kawalan lalu lintas udara (Air Traffic Control) dan baru-baru ini jabatan itu telah mengadakan perkhidmatan maklumat kaji cuaca yang disiarkan di televisyen.

KEPERLUAN 10 TAHUN

Dalam menjangka keperluan 10 tahun akan datang satu projek pembesaran lapangan terbang antarabangsa kini sedang dalam pembinaan dan begitu juga dengan pelabuhan air dalam di Muara juga diperbesarkan. Bangunan-bangunan gudang kenaikan kargo adalah termasuk dalam projek tersebut.

Pencapaian projek-projek tersebut sabda Yang Amat Mulia, merupakan sebahagian daripada potensi pembangunan kemajuan negara ini di mana perlaksanaannya bergantung kepada keupayaan serta perpaduan dan azam di kalangan rakyat.

"Dari itu marilah kita semua bersama-sama terus melipat gandakan usaha-usaha kita dengan bersatupadu untuk berbakti kepada raja dan negara pada mempertahankan dan meningkatkan kemakmuran, kesejahteraan dengan petunjuk dan bimbingan Allah jua," seru Yang Amat Mulia.



ANTARA yang hadir di Majlis Perjumpaan di Daerah Brunei-Muara ialah beberapa orang diplomat asing.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bersalaman dengan salah seorang hadirin yang hadir di Majlis Perjumpaan di Daerah Tutong.

MATLAMAT — KESIHATAN YANG LEBIH BAIK MENJELANG TAHUN 2000

Oleh: Dr. Mrs P. Durayaph
Pegawai Perubatan Kanan
Bahagian Kesihatan

Konsep Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun 2000 bukanlah berarti bahwa tidak akan ada penyakit atau penderitaan di dunia ini atau bahwa kelengkapan rawatan yang sofistikated akan diberikan kepada setiap orang.

Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun 2000 bermakna tahap kesihatan dan mutu kehidupan yang paling tinggi bagi setiap orang. Ia bermakna manusia akan mempunyai lebih keupayaan dalam mengelakkan penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit. Ia bermakna satu pendekatan baru terhadap kesihatan, kerjasama yang lebih baik di antara bahagian-bahagian kerajaan yang berkenaan, penyusunan baru terhadap keutamaan-keutamaan dan lebih dari itu ialah penyertaan dan tanggungjawab masyarakat demi kebaikan mereka sendiri yang merupakan suatu perkara perlu dalam menjayakan pengendalian rawatan kesihatan. Inilah pendekatan terhadap kesihatan asas.

Sebelumnya Perkhidmatan-perkhidmatan Kesihatan banyak tertumpu kepada diagnosis dan rawatan penyakit-penyakit dan rawatan pesakit perseorangan. Di tahun-tahun kebelakangan ini, dengan penerimaan Rawatan Kesihatan Asas sebagai tangga mencapai Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun 2000, penekanan telah beralih kepada pencegahan dan pemajuan rawatan kesihatan yang meliputi keseluruhan lapisan masyarakat demi mengurangkan penyakit.

Maka oleh hal yang demikian, tanggungjawab dalam menjalankan rawatan kesihatan mestilah dipikul bersama di antara Perkhidmatan-perkhidmatan Kesihatan (pembekal) dan masyarakat (penerima). Dengan ini, maka adalah penting supaya masyarakat faham dengan jelas tentang perkara-perkara berhubung dengan kesihatan asas dan giat menjaga kesihatan mereka sendiri. Menjaga kesihatan diri sendiri

merupakan asas piramid kesihatan.

Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun 2000 bagi Negara Brunei Darussalam bukan lagi merupakan suatu hasrat. Walaupun hanya tinggal 15 tahun lagi tetapi kita sudah berjaya mencapai kebanyakan matlamat dari 8 perkara yang ditentukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi negara-negara yang membangun seperti :

- (1) Pelajaran
- (2) Bekalan Makanan dan Makanan Berkhasiat
- (3) Air Bersih dan Kebersihan Kawasan
- (4) Rawatan Ibu dan Kanak-Kanak
- (5) Suntikan
- (6) Kawalan Penyakit Berjangkit
- (7) Rawatan Penyakit-penyakit Ringan dan Kecederaan
- (8) Ubat-ubat Yang Perlu

Perkara ini telah pun disenituh oleh Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dalam rencana sebelum ini.

Penyakit kanak-kanak berjangkit seperti batuk mengukul, penyakit kerongkong, penyakit lumpuh, penyakit kancing mulut dan demam kepala serta batuk kering adalah punca utama kematian dan penyakit di kebanyakan negara-negara

membangun di rantau ini, tetapi penyakit-penyakit ini telah pun dihapuskan di negara kita. Kejayaan ini tercapai kerana sambutan hangat orang ramai terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan berupa pencegahan di pelbagai klinik di seluruh negara dan perkhidmatan rombongan perubatan udara.

Walaupun bagaimanapun, dalam masyarakat yang menikmati ekonomi yang maju seperti dengan halnya kita, penyakit-penyakit yang tidak berjangkit mengorbankan lebih banyak jiwa dan sumber-sumber manusia setiap tahun. Sebagai misal, kematian yang berpunca dari penyakit jantung meragut jiwa dalam kadar 12% tiap-tiap tahun, suatu kadar yang paling tinggi. Kemudian diikuti pula oleh neoplasma tenat sebanyak 7.3% dan kemalangan jalan raya 6%. Ini merupakan pola kematian di negara-negara yang sudah maju.

Pakar-pakar penyakit jantung di merata dunia sekata bahawa di samping lain-lain sebab, ada 5 sebab utama terjadinya penyakit-penyakit jantung :

- (1) Ketegangan pembuluh darah
- (2) Merokok
- (3) Terlampau banyak kolesterol darah
- (4) Terlalu gemuk

(5) Kurang pergerakan badan

Orang-orang yang paling banyak kena penyakit ini ialah mereka dalam lingkungan umur 40 hingga 60 tahun. Kematian berpunca daripada penyakit jantung kerana tersekat aliran darah dianggarkan 10 kali ganda lebih banyak di kalangan mereka yang mempunyai tiga dari sebab utama yang disebutkan di atas. Dengan mengawal sebab-sebab utama ini, maka penyakit jantung yang berupa aliran darah tersekat dan kerana lain-lain sebab akan dapat dikurangkan.

Endokrinologis memerhatikan bahawa permakanan yang tidak betul, tegang darah dan merokok kuat sangat menyebabkan terjadinya penyakit Kencing Manis Melitus. Merokok dianggap punca utama kejadian barah paru-paru dan ulser penghadaman. Perkara-perkara yang tidak menyenangkan di alam sekitar

SUDUT KESIHATAN



luar seperti bunyi bising, pencemaran udara dan kimia, kemalangan di rumah dan di jalan raya dalam pekerjaan menyebabkan banyak kematian dan penyakit. Ancaman barah lebih berpunca daripada cara hidup seperti gemakan minuman keras, merokok dan perkara-perkara yang berhubung dengan makan.

Walaupun pengetahuan dan penyiaran maklumat tentang sebab-sebab sebenar penyakit-penyakit ini tidak mencukupi, namun demikian adalah nyata bahawa alam sekitar dan cara hidup memainkan peranannya terhadap kejadian penyakit-penyakit tidak berjangkit. Dengan mengubah cara hidup, cukup rehat, makanan seimbang, selalu beriadah dan mengamalkan tabiat-tabiat yang baik bagi kesihatan akan banyak mengurangkan punca yang menyebabkan penyakit jantung dan penyakit-penyakit yang merbahaya. Sudah

diketahui bahawa punca-punca penyakit bermula sejak kecil dan mencapai dewasa. Maka dari itu pada peringkat umur inilah langkah mencegah mesti dimulakan. Pencegahan merupakan ubat pertama menghindarkan penyakit. Kerana inilah kesedaran dan penglibatan masyarakat adalah perlu. Menjaga kesihatan bermula di rumah dan dalam masyarakat dan cara yang paling baik mewujudkan minat di kalangan orang-orang dewasa ialah melalui anak-anak mereka.

Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun 2000 semakin dekat. Diharapkan supaya ruangan ini mendatangkan kesedaran dan azam di kalangan masyarakat agar pula menyebabkan mereka melibatkan diri demi kebaikan kesihatan yang lebih. Tolonglah kami membantu awda untuk mencapai matlamat yang dituju Menjelang Tahun 2000 yang akan tiba tidak lama lagi.

'Pengabdian' menang peraduan novel

BANDAR SERI BEGAWAN. — Novel 'Pengabdian' hasil karya Dayang Norsiah bte Abd Ghafar telah berjaya mendapat hadiah pertama dalam peraduan menulis novel sempena kemerdekaan Brunei Darussalam.

Tempat kedua dimenangi oleh novel hasil karya Awang Haji Muslim bin Haji Burmat yang bertajuk 'Puncak Pertama'. Hadiah ketiga pula dimenangi oleh novel 'Genggam Api Jadi Bara' hasil karya Awang Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakry.

Keputusan peraduan tersebut telah diumumkan oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apang selaku wakil hakim pada hari Khamis lalu.

Pemenang pertama menang dapat hadiah wang tunai

sebanyak \$15,000.00; pemenang kedua sebanyak \$10,000.00 dan tempat ketiga memenangi hadiah sebanyak \$5,000.00.

Di samping itu tiga buah novel telah dipilih untuk memenangi hadiah penghargaan masing-masing

sebanyak \$2,500.00.

Novel-novel tersebut ialah 'Kiambang Berlalu Biduk Bertaut' hasil karya Awang Mohd Yunus bin Abu Bakar; 'Kemali' karya Awang Chong Ah Fok dan 'Rupa dan Jiwa' hasil karya Awang Haji Abdul Rahman bin Mohd Yusof.

Cawangan Pos mula perkhidmatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Cawangan Pejabat Pos Besar di Jalan Tutong kini telah memulakan perkhidmatannya bermula pada 25 Februari lepas.

Pejabat Pos Seri Kompleks di Jalan Tutong itu mengendalikan beberapa perkhidmatan seperti kiriman wang,

penyerahan ekspres, wang pos mel berdaftar spedpost, penyerahan berekod, peti surat persendirian, beg berkunci, penerimaan bungkusan dan lain-lain perkhidmatan.

Orang ramai adalah dipersilakan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut.



WAN Haslina Ibrahim johan bercerita 1983 mempersembahkan ceritanya di majlis tersebut — Gambar oleh Ak Bahar PHO.

'TAMAN BATUTURAN' DILUASKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka kini memperluaskan lagi perkhidmatan kutubkhanah bergerak ke Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang bermula pada Rabu lepas.

Bersempena dengan perkhidmatan itu satu perhimpunan yang digelar 'Taman Batuturan Bergerak' telah diadakan di dewan

sekolah tersebut yang mana sebahagian besarnya dihadiri oleh murid-murid sekolah, guru-guru dan para pegawai dari Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berbagai persembahan telah dipertunjukkan dan antaranya ialah nyanyian ramai murid-murid sekolah, masa bercerita oleh Wan Haslina Ibrahim johan bercerita 1983, termasuk kuiz.

Perpustakaan Bergerak diperkenalkan dalam tahun 1970 dan setakat ini terdapat 36 buah perhentian Perpustakaan Bergerak.

Perkhidmatan itu bertujuan memberi kesempatan kepada masyarakat kampung dan pedalaman menggunakan bahan-bahan perpustakaan selain menamakan sifat keinginan membaca.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PENGARANG KANAN

DI PEJABAT PUSAT SEJARAH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENGARANG KANAN di Pejabat Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: C. 3-4 EB. 5—\$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mempunyai kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Peringkat 'A' dan tiga mata pelajaran Peringkat 'O' (termasuk mata pelajaran Sejarah dan tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) dalam Sijil Am Pelajaran; atau
- Mempunyai Sijil yang diakui dalam bidang karangan-mengarang yang sebanding dengan kelulusan di atas.
- Mempunyai pengalaman yang luas dalam penulisan bidang Sejarah, Kebudayaan dan Adat Istiadat serta penyelidikan kajimania dan dapat menunjukkan hasil-hasil yang sudah diterbitkan.
- Mahir menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.

Am: Satu ujian bertulis akan diadakan kepada calon-calon yang diperakui.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaan pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksi pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan Negara Brunei Darussalam.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 April, 1985. (Bilangan iklan: 37/1985) (E/1439/82).

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PENYELIDIK

Sukatan Gaji: C2 EB3 — \$1450 — \$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mempunyai kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya empat mata pelajaran Peringkat 'O' tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis dalam Sijil 'Am Pelajaran'; atau
- Mahir menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Boleh menulis dan membaca Jawi dengan baik.
- Kebolehan menulis rencana-rencana dalam penyelidikan Sejarah, Adat Istiadat dan Kebudayaan adalah satu keutamaan.

Am:

Satu ujian bertulis akan diadakan kepada calon-calon yang diperakui.

2. PEMBANTU BILIK GELAP:

Sukatan Gaji: D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Lulus Tingkatan III.
- Mempunyai pengalaman dan penguasaan penuh mengenai kerja-kerja memproses dan mencetak filem putih.
- Mempunyai pengetahuan khas da'am kerja-kerja penggambaran serta pengurusan dan pemeliharaan bilik gelap merupakan suatu kelebihan.

Sebagai Penolong Pegawai Tanah

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PEGAWAI TANAH di Pejabat Tanah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mestilah berumur 20 tahun ke atas.
- i. Mestilah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau BEC Higher Diploma atau kelulusan kelulusan yang sebanding dengannya dalam salah satu bidang pengajian yang bersesuaian atau yang berkaitan dengannya seperti berikut:
 - Estate Management;
 - Land Administration;
 - Undang-undang;
 - Ekonomi/Statistik/Matematik;
 - Business Studies.
- ATAU
- ii. Mestilah lulus sekurang-kurangnya Tahun Pertama dalam kursus ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian yang berkaitan seperti berikut:
 - Land Administration;
 - Estate Management;
 - Pentadbiran Awam;
 - Management Science;
 - Business Administration/Commerce;
 - Economic/Statistics;
 - Computer Science.
- ATAU
- c. Pegawai-pegawai dalam Bahagian III di Pejabat Tanah yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan siapa yang tidak mempunyai kelayakan di b) (i) dan (ii) dan mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pentadbiran tanah dan yang berkaitan dengannya tidak kurang dari 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan.
- d. Calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman bekerja dalam hal-hal pentadbiran/pengurusan, sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan, perniagaan atau perusahaan adalah merupakan satu kelebihan.
- e. Mestilah lulus peperiksaan bagi memasuki jawatan Penolong Pegawai Tanah.
- f. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang baik dan mempunyai kemahiran yang tinggi serta mempunyai keputusan peperiksaan yang baik bagi memasuki jawatan Penolong Pegawai Tanah adalah diutamakan.

Lain-lain Syarat Lantikan:

- Mempunyai pengetahuan asas pentadbiran tanah dan Undang-Undang Tanah dan boleh membaca peta dan kerja-kerja Ukur yang mudah;
 - Bersedia untuk mengikuti kursus di dalam/luar negeri;
 - Calon-calon mestilah boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 April, 1985. (Bilangan iklan: 36/1985) (E/2403/81).

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELenggara STOR TINGKATAN II di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: D. 2 EB. 3-4 \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkatan III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan

Penyelenggara Stor Tingkatan III

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELenggara STOR TINGKATAN III di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas: Calon-calon yang berjaya akan bertugas menjalankan

kerja-kerja Penyelenggara Stor Tingkatan III di mana-mana sekolah, maktab dan Stor Jabatan Pelajaran berkenaan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 April, 1985. (Bilangan iklan: 11/1985) (E/425/74).

Penyelenggara Stor Tingkatan II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELenggara STOR TINGKATAN II di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: D. 2 EB. 3-4 \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkatan III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan

juga dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 April, 1985. (Bilangan iklan: 36/1985) (E/2403/81).

Am: Pemohon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu menjalankan kerja-kerja penggambaran bila-bila masa diperlukan di samping tanggungjawab dan tugasnya menyusun dan mengindeks semua filem yang sudah diproses.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

Bilangan iklan: 39/1985.

(E/696/84)

Sebagai Pemandu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat

Tugas-tugas:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU TINGKAT II di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- Mereka mestilah pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membawa kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas XI (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 22 Mac, 1985. (Bilangan iklan: 5/1985) (E/8/82).

Pemandu Motor Sangkut Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan telah tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.
- Pemohon-pemohon mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai pengetahuan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon-pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang dari 220 ela cara bebas.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Pengalaman sebagai Pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Selaku Pemandu Motor Sangkut yang terlibat di da-

lam pengangkutan penumpang dan barang-barang; pengirisan surat atau lain-lain tugas. Calon-calon mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir. Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 28 Mac, 1985.

Bilangan iklan: 29/1985

(E/584/83)

Tarikh tutup: 16 April, 1985.

Bilangan iklan: 35/1985.

(E/38/82)

MENTERI TENAGA TURKI DITERIMA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Tenaga dan Sumber-Sumber Asli Republik Turki, Tuan Yang Terutama Sudi N Turel dan rombongan di Istana Nurul Iman pada petang Isnin lepas.

Tuan Yang Terutama dan rombongan yang diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan

Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Taib, Menteri Pembangunan kemudian mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu dari itu, Tuan Yang Terutama telah melakukan kunjungan muhibah kepada Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, diiringi oleh Bakal Duta Besar Turki ke negara ini, T.Y.T. Me Akkun Itam Kiciman.

Sebelum itu Tuan Yang Terutama juga telah melakukan kunjungan muhibah kepada Menteri Pembangunan dan seterusnya menerima taklimat mengenai perkembangan ekonomi dan pelbagai rancangan kemajuan negara yang dijalankan.

Dalam rangka lawatan empat hari ke negara ini, Tuan Yang Terutama juga berkesempatan mengadakan lawatan ke pelbagai tempat menarik termasuk Masjid Omar Ali Saifuddin.

Manakala isteri Tuan Yang Terutama pula mempunyai jadual lawatan berasingan dengan mengunjungi Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency dan Muzium.

Tuan Yang Terutama dan rombongan telah diraikan dengan satu jamuan makan malam oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan di Rumah Semaun, kemudian rasminya di Jalan Gadong pada malam Ahad lalu.

Tuan Yang Terutama itu dan rombongan berlepas pulang pada hari Isnin lepas.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Menteri Tenaga dan Sumber-Sumber Asli Turki, T.Y.T. Sudi N Turel (atas), sementara gambar bawah Tuan Yang Terutama itu ketika mengadap hadapan majlis Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien.

Titah Kebawah DYMM

Dari muka 1

perannya yang aktif dan berkesan bersesuaian dengan sikap dan pendirian serta konsep Negara Brunei Darussalam.

Setakat ini, titah Baginda, Negara Brunei Darussalam telah pun diterima menjadi ahli penuh kepada berbagai-bagai pertubuhan antarabangsa, seperti ASEAN, OIC, Pertubuhan Negara-Negara Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pemupukan persahabatan dan perhubungan dengan kalangan masyarakat antarabangsa, tegas Baginda Yang Dipertuan, akan terus dipelihara. "Insya-Allah Negara Brunei Darussalam dari semasa kesemasa akan meneruskan pemeliharaan

perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan, kukuh wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri."

Baginda Yang Dipertuan juga telah mencatatkan penghargaan Baginda kepada semua pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Keselamatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan dalam perkhidmatan kerajaan pada menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan tekun dan rajin serta kepada rakyat dan penduduk yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama kepada kerajaan dalam usaha yang berkeadilan dan bermanfaat.

Pameran Al-Quran sambut Hari Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran Al-Quran, Kaligrafi Islam dan Keris sempena Ulangtahn Pertama Hari Kebangsaan sedang diadakan di Bubungan Dua Belas di Jalan Residency.

Preview pameran itu telah dilakukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Haji Awang Abd Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd Taha pada petang Sabtu lepas.

Pameran tersebut diusahakan oleh Departmen Agama Republik Indonesia dan Yayasan Mas Agung dan ditaja oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Menurut seorang jurucakap pameran itu, terdapat tiga jenis Al-Quran yang dipamerkan iaitu Othmani Indonesia, Al-Quran Basriah dan Al-Quran Braille, termasuk Al-Quran tulisan tangan. Ada di antara Al-Quran itu yang berusia beratus hingga beribu tahun, jelas beliau.

Kaligrafi pula terdapat lebih kurang 260 buah. Sementara keris 26 jenis koleksi Yayasan Mas Agung.

Beliau memberitahu, pameran itu adalah yang pertama diadakan di luar negeri.

Yayasan Mas Agung kini mempunyai lebih kurang lima ribu koleksi keris dan kaligrafi dan ketika ini sedang merancang untuk mengadakan satu pameran di London bulan

April depan, tambah beliau.

Di antara tetamu khas yang hadir di majlis preview itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Tahiruddin dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para diplomat asing di negara ini.



YDM Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman (tengah) ketika menyaksikan pameran tersebut — Gambar oleh Harun Rashid.

Acara Sambutan Hari Kebangsaan

Dari muka 1

binatang pula antara lain memberikan pengakuan tentang amalan kehidupan Melayu Islam Beraja sesuai dengan tema sambutan berbunyi "Bersatupada Mendukung Konsep Negara Melayu Islam Beraja," manakala seni silat merupakan sebahagian daripada kebudayaan orang-orang Melayu Brunei.

Diikuti oleh 2,000 orang yang terdiri daripada pasukan-pasukan keselamatan, jabatan-jabatan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan belia dan pertubuhan-pertubuhan beruniform, badan-badan awam, firma-firma serta sektor swasta di negara ini menyertai upacara-baris lalu.

Suasana sambutan Hari Kebangsaan lebih meriah lagi apabila 7,000 orang penuntut sekolah rendah mempersembahkan kad tayang yang berbunyi "Daulat Duli Tuan Patek" yang disertakan dengan pemandangan mengenai kehidupan rakyat Brunei Darussalam serta perkembangan pembangunan.

Satu lagi kad tayang yang berbunyi "Kekal Berdaulat dan Merdeka" telah dipersembahkan sebelum acara berakhir di mana 11 buah helikopter terbang lalu di udara dengan membawa perutusan tema konsep Melayu Islam Beraja yang penuh dengan warna-warni.

DPPW berangkat pulang dari Gambia

BANDAR SERI BEGAWAN.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah selamat berangkat pulang ke tanahair pada hari jumaat lalu selepas mengadakan kunjungan rasmi ke Republik Gambia bagi menghadiri ulang tahun ke-20 Hari Kebangsaan negara tersebut yang jatuh pada 18 Februari yang lalu.

Berangkat ke lapangan terbang untuk mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan General Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia berserta Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah adalah atas undangan Kerajaan Republik Gambia. Negara Brunei Darussalam dan Republik Gambia telah menjalin persahabatan sejak Negara Brunei Darussalam menjadi ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Termasuk dalam rombongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Laila Jaja Haji Zakaria bin Datu

Mahawangsa Haji Sulaiman dan Pengarah Protokol dan Konsular Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Anak Puteh Ibnu Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohd Alam serta beberapa orang pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Juruulas Sukan sambilan

BAHAGIAN Sukan TV, Jabatan Radio Televisyen Brunei mempelawa mereka yang berminat untuk menjadi juruulas dan penyampai sambutan untuk rancangan-rancangan sukan di televisyen.

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II aliran Melayu atau Inggeris.

Mereka juga mestilah mempunyai nada suara dan penyampaian yang baik. Pengetahuan dalam bidang sukan adalah satu kelebihan.

Calon calon yang berjaya akan diambil secara sambilan.

Pemohon-pemohon yang berminat boleh menghubungi atau berjumpa terus ke Bahagian Penerbitan Sukan TV, Jabatan Radio Televisyen Brunei bila-bila masa waktu bekerja.